

Pembenihan awan hasilkan hujan di dua kawasan

KANGAR – Operasi Pembenihan Awan (OPA) yang dijalankan di 12 lokasi di lima negeri di Semenanjung pada hari keenam semalam telah berjaya menghasilkan hujan di dua kawasan iaitu di Padang Besar dan Beris, Kedah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Shahidan Kassim berkata, bagaimanapun, operasi yang turut dilakukan di Empangan Muda, Pedu dan Ah-ning di Kedah, Empangan Air Itam dan Teluk Bahang (Pulau Pinang), Empangan Bukit Merah (Perak), Empangan Durian Tunggal, Jus dan Asahan (Melaka) serta Empangan Gemencheh (Negeri Sembilan) telah gagal menghasilkan hujan.

“OPA akan diteruskan hari ini



SHAHIDAN

(semalam) dan esok (hari ini) di semua kawasan terbabit serta diharap akan berhasil di kebanyakan kawasan,” katanya di sini semalam.

Shahidan yang juga Timbalan Pengerusi Majlis Keselamatan Negara berkata, operasi itu dijalankan dengan kerjasama Tentera Udara Diraja Malaysia serta Kementerian Sains, Teknologi dan

Paras air empangan di empat buah negeri merosot akibat fenomena El Nino

1.7 juta penduduk terjejas



KERATAN Kosmo! 16 April 2016.

Inovasi.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Perlis, Abdul Najib Abdullah berkata, paras air di Empangan Timah Tasoh yang direkodkan setakat 5 petang semalam telah menyusut sebanyak 0.02 meter kepada 26.15 meter berbanding 26.17 meter kelmarin. – Bernama



KEADAAN kering dapat dilihat di sebahagian kawasan Empangan Timah Tasoh, Padang Besar akibat cuaca panas sejak Mac lalu semalam.